

**Bank Asing Diberi Kelonggaran, Kata BNM
Bernama
17 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Bank asing diperbadankan di Malaysia yang baru mendapat lesen dan yang sedia ada tetapi belum mencapai skala operasi yang agak besar akan diberikan kelonggaran daripada mematuhi keperluan nisbah taburan bagi penubuhan cawangan, kata Bank Negara Malaysia (BNM) Rabu.

Pada masa ini, bank asing diperbadankan di Malaysia boleh membuka sehingga lapan cawangan tambahan, tertakluk kepada nisbah taburan yang telah ditentukan, iaitu 1 (pusat bandar): 2 (separa bandar): 1(luar bandar).

Melalui kelonggaran ini, bank asing diperbadankan di Malaysia yang belum lagi menubuhkan cawangan baharu atau pada masa ini mempunyai kurang daripada lapan cawangan tidak perlu mematuhi nisbah taburan untuk menubuhkan cawangan masing-masing, kata BNM dalam satu kenyataan Rabu.

Ini akan memudahkan bank asing diperbadankan di Malaysia yang baru mendapat lesen untuk memberikan perkhidmatann yang lebih baik kepada segmen pelanggan sasaran dan bidang pengkhususan.

Kelonggaran itu juga akan membolehkan bank asing diperbadankan di Malaysia yang sedia ada mencapai skala operasi yang wajar bagi memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada pembangunan sektor kewangan di Malaysia secara keseluruhan.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=608778>